

**PANDUAN PERSARAAN PILIHAN BAGI PEGAWAI AWAM
YANG INGIN MENJADI CALON PILIHAN RAYA**

1) SYARAT-SYARAT PERSARAAN PILIHAN

- a) Telah disahkan dalam perkhidmatan dan diberi taraf berpencen (PTB);
- b) Berumur genap 40 tahun dan ke atas pada tarikh persaraan pilihan;
- c) Mempunyai tempoh perkhidmatan tidak kurang sepuluh (10) tahun yang boleh dimasukkan kira;
- d) Permohonan persaraan pilihan hendaklah **disokong** oleh Ketua Jabatan;
- e) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM);
- f) Bebas daripada sebarang siasatan/tindakan tatatertib/mahkamah; dan
- g) Sekiranya mempunyai ikatan perjanjian penajaan pendidikan, hendaklah mendapatkan surat persetujuan daripada penaja pinjaman/biasiswa pendidikan terlebih dahulu.

2) KELAYAKAN FAEDAH PERSARAAN

TARIKH LANTIKAN	SEBELUM 12 APRIL 1991	PADA DAN SELEPAS 12 APRIL 1991
GANJARAN	Pada tarikh persaraan	Pada tarikh persaraan
AWARD GANTIAN CUTI REHAT	Pada tarikh persaraan	Pada tarikh persaraan
PENCEN BULANAN	<p>Apabila mencapai umur 45 tahun bagi semua pegawai perempuan dan bagi pegawai lelaki di jawatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pegawai Bomba berpangkat rendah dan ke bawah • Pegawai Polis berpangkat rendah daripada Penolong Penguasa Polis • Pegawai Penjara berpangkat rendah daripada Penguasa • Jururawat lelaki di hospital mental <p>Apabila mencapai umur 50 tahun bagi pegawai lelaki selain yang dinyatakan di atas.</p>	<p>Apabila mencapai umur 55 tahun bagi pegawai lelaki dan perempuan</p>

Nota:

*Tidak termasuk cuti tanpa gaji, cuti sakit berlebihan, tidak hadir bertugas dan lain-lain cuti yang tidak berkelebihan.

SENARAI SEMAK DOKUMEN BAGI TUJUAN KELULUSAN PERSARAAN PILIHAN

1) KELULUSAN PERSARAAN PILIHAN

Kelulusan Persaraan Pilihan bagi **Pegawai Awam Persekutuan/ Pekerja Badan Berkanun Persekutuan/Badan Berkanun Negeri/ Pihak Berkuasa Tempatan** yang menjadi calon Pilihan Raya hendaklah dikemukakan ke Bahagian Pencen JPA dengan segera untuk **diproses dan diluluskan selewatnya sehari sebelum Hari Penamaan Calon**. Surat kelulusan akan dikemukakan kepada Jabatan.

BIL.	DOKUMEN	TANDAKAN (✓) JIKA LENGKAP
1.	Salinan kad pengenalan	
2.	Surat permohonan persaraan pilihan oleh pegawai	
3.	Surat sokongan persaraan pilihan oleh Ketua Jabatan	
4.	Surat pencalonan dari parti politik	
5.	Surat keputusan lulus lapisan keutuhan dari SPRM**	
6.	Pengesahan bebas dari tindakan tatatertib/mahkamah	
7.	Pengesahan bebas dari ikatan biasiswa	
8.	Salinan Buku Rekod Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti	

** Tapisan Keutuhan SPRM boleh dimohon menerusi <https://estk.sprm.gov.my/login> dan hubungi Talian Bantuan eSTK di 016-414 5550 / 013-200 2791 (**hanya melalui whatsapp sahaja**) sekiranya memerlukan bantuan untuk menyejajarkan tapisan tersebut.

2) KELULUSAN FAEDAH PERSARAAN (PENGIRAAN GANJARAN, PENCEN DAN AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT)

- a) Bagi tujuan kelulusan faedah persaraan, pihak jabatan hendaklah mengemukakan dokumen yang lengkap berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia, Ceraian PP.1.2.1 dalam tempoh **satu (1) minggu** daripada tarikh Surat Kelulusan Persaraan Pilihan. Penghantaran menerusi Modul Penamatan dalam sistem HRMIS adalah dikecualikan.
- b) Bagi kelulusan faedah persaraan melibatkan **Pegawai Awam Negeri** yang menjadi calon Pilihan Raya dan telah diluluskan Persaraan Pilihan oleh Kerajaan Negeri, Surat Kelulusan Persaraan Pilihan dan dokumentasi persaraan perlu dikemukakan ke Bahagian Pencen JPA.
- c) Proses pengiraan dan bayaran faedah persaraan akan dilakukan setelah dokumentasi yang lengkap diterima.

3) PENGHANTARAN DOKUMEN

Semua dokumen persaraan hendaklah dihantar ke alamat berikut:

- a) Pegawai Awam Persekutuan/Pekerja Badan Berkanun Persekutuan/ Badan Berkanun Negeri/ Pihak Berkuasa Tempatan yang bertugas di **Semenanjung Malaysia**:

**Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pencen
Aras 5, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Putrajaya**

Pegawai untuk dihubungi:

Nama	No.Tel:	E-mel: @jpa.gov.my
En.Andy Anak Romeo Willie@Sanen	03-8885 4138	andy.romeo
En.Mohd Ahadan bin Md. Nooh	03-8885 4136	ahadan.nooh
Pn.Nik Aduni Hazlin binti Nik Ariffin	03-8885 4877	hazlin.ariffin
En.Syed Mohd Nazrin bin S.Hamzah	03-8885 4750	nazrin.hamzah
Pn.Noor Azleena binti Mohd Othman	03-8885 4642	azleena.othman
Pn.Halilah binti Hamid	03-8885 4684	halilah.hamid

- b) Pegawai Awam Persekutuan/Negeri yang bertugas di **Wilayah Sarawak**:

**Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Pencen Cawangan Sarawak
Aras 2, Bangunan Marzuki, Lot 1656 Seksyen 65
Jalan Tun Dato' Patinggi Hj. Abdul Rahman Yaakub, Petra Jaya
93050 Kuching
Sarawak**

Pegawai untuk dihubungi:

Nama	No.Tel:	E-mel: @jpa.gov.my
En. Lee Wee Ju	082-255 032	ju.lee
En.Tan Hang Kheng	082-252 493	hk.tan

- c) Pegawai Awam Persekutuan/Negeri yang bertugas di **Wilayah Sabah**:

**Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Bahagian Pencen Cawangan Sabah
Aras 1, Blok A, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS - Sulaman, Likas
Peti Surat No 2061
88450 Kota Kinabalu
Sabah**

Pegawai untuk dihubungi:

Nama	No.Tel:	E-mel: @jpa.gov.my
En.Farid H. Askali bin Ibrahim	088-488 666	farid.ibrahim
Pn.Siti Fairuz binti Mohd Saidi	088-488 668	fairuz.saidi

